

04 AUG 1997

Rali-pesawat

PESAWAT RALI UDARA SELAMAT TIBA DI LANGKAWI

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Sebanyak 38 pesawat ringan yang menyertai Rali Udara Malaysia `97 selamat tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini hari ini.

Pengurus Kanan Le Proton LIMA Sdn Bhd., Megat Nawawi Megat Hamid berkata, sebahagian daripada pesawat itu tiba pagi tadi sebaik sahaja Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merasmikan Langkawi Oshkosh East Fly-in 1997 di sini.

Manakala sebahagiannya tiba sebelah petang ini setelah mereka mengharungi udara berjerebu di beberapa destinasi semalam.

Rali itu disertai Jerman, Itali, Australia, Afrika Selatan, Singapura, Thailand dan Malaysia.

Beliau berkata, Rali yang bermula dari Sungai Besi, Kuala Lumpur sejak Isnin lepas itu adalah sebahagian acara Langkawi Oshkosh East Fly-in 1997 yang merupakan konvensyen dan pameran pesawat ringan yang pertama di Asia.

Megat Nawawi berkata, kira-kira 4,000 peminat pesawat ringan dan pelancong mengunjungi pertunjukan hari ini dan jumlah itu dijangka meningkat kerana masuk adalah percuma.

Menurutnya pertunjukan dan pertandingan payung terjun turut diadakan setiap hari bagi memeriahkan acara itu.

Sebanyak enam pasukan termasuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Wilayah Persekutuan mengambil bahagian.

Sementara itu, seramai 30 anggota pasukan Kadet Udara Langkawi diberi peluang menyertai program "Young Eagles Joy Ride" dengan menaiki pesawat-pesawat ringan.

Pasukan kadet itu ditubuhkan oleh Kelab Rekreasi Udara Langkawi (KRUL) untuk memberi peluang kepada mereka mempelajari mengenai fungsi pesawat di samping melahirkan lebih ramai juruterbang di kalangan penduduk tempatan.

-- Bernama

ZI oba